



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPPM 1/2010

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7600 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine.gov.my

<http://www.marine.gov.my>

PERLAKSANAAN PERJANJIAN ANAK KAPAL SECARA ATAS TALIAN DAN BAYARAN YANG DIKENAKAN

IMPLEMENTATION OF THE ONLINE ARTICLES OF AGREEMENT AND ITS CHARGES

Nota kepada Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan dan Nakhoda Kapal

Note to Ship Owners, Shipping Companies and Ship's Masters

Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Notis Perkapalan Malaysia 4/2009 & 17/2009 dirujuk.
Merchant Shipping Ordinance 1952, Malaysian Shipping Notices 4/2009 & 17/2009 are referred

Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 4/2009 – Pelaksanaan Sistem Dokumen Pelaut dan NPM 17/2009 – Pindaan terhadap Jadual Ketiga dalam Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 adalah dirujuk.

Malaysian Shipping Notice (MSN) 4/2009 – Implementation of Seafarers Document System and MSN 17/2009 – Amendment to the Third Schedule of the Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952 are referred.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Laut telah melaksanakan perkhidmatan pelaut secara atas talian melalui Sistem Dokumen Pelaut (SDPx) dengan sepenuhnya dan ini termasuklah bagi urusan Perjanjian Anak Kapal. Oleh itu syarikat yang ingin memperbaharui Perjanjian Anak Kapal perlu memastikan bahawa Sijil/Dokumen Keanggotaan Selamat dan perakuan-perakuan kru kapal telah berdaftar dibawah SDPx.

2. *Please be informed that the Marine Department has fully implemented the online seafarer services, 'Sistem Dokumen Pelaut' (SDPx) Companies wishing to renew their ships' Articles of Agreement are required to ensure that all the ship's crew documentation and Safe Manning Certificate/Document is in accordance with the new SDPx system.*

3. Juga, adalah dijangka bahawa kapal-kapal Malaysia yang tidak singgah di mana-mana pelabuhan di Malaysia akan menghadapi kesukaran memperbaharui Perjanjian Anak Kapal mereka, lebih-lebih lagi sekiranya Kad Pelaut dan Perakuan Kekompetenan kru masih belum didaftarkan di dalam SDPx.

3. *It is expected that ships which do not call Malaysian ports will encounter problems on renewing their Article of Agreement due to the inability of the new SDPx system to identify seamen's cards and certificate of competencies that have yet to be registered in the system.*

4. Lanjutan itu, kelulusan boleh dipertimbangkan bagi kapal-kapal Malaysia yang tidak singgah di mana-mana pelabuhan di Malaysia untuk terus menggunakan Perjanjian Anak Kapal format buku (lama) dan hanya

4. *As such, approval will be given on a case-to-case basis for these ships that do not call at Malaysian ports, to continue using the earlier format of Article of Agreement (booklet form) This is until such time when then call at*

menukar kepada format SDPx apabila kapal tersebut masuk ke Malaysia. Tambahan dari ini, Perjanjian Anak Kapal format buku (lama) yang masih lagi belum tamat tempoh, boleh juga turut terus digunakan sehingga tamat tempoh Perjanjian tersebut.

5. Sehubungan dengan di atas, Jadual Ketiga di dalam OPS 52 yang telah mula berkuatkuasa pada 19hb Oktober 2009, menetapkan kadar bayaran baru bagi pertukaran kru. Kadar bayaran baru tersebut adalah RM50.00 bagi setiap transaksi di dalam sesuatu Perjanjian Anak Kapal dan tidak mengambil kira bilangan kru yang terlibat untuk sign on/off.

6. Jadual 2 dalam Jadual Ketiga membenarkan syarikat mengenakan potongan gaji keatas kru kapal bagi tujuan tuntutan atas pembelian PIN.

7. Sekiranya pertukaran kru dalam Perjanjian Anak Kapal membabitkan bilangan kru yang besar dan jumlah tuntutan syarikat keatas kru kapal melebihi RM50.00, nilai lebihan dari RM50.00 itu perlu dibayar balik kepada Pejabat Pelabuhan Jabatan Laut dan resit akan dikeluarkan bagi tujuan tersebut.

8. Kapal-kapal asing yang ingin membuat pertukaran kru di mana-mana Pejabat Pelabuhan di Malaysia turut dikenakan bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap transaksi dengan tidak mengambil kira bilangan kru yang terbabit. Walaubagaimanapun, Jadual 2 dalam Jadual Ketiga, OPS 52 tidak terpakai bagi kapal-kapal asing.

any Malaysian ports that they will be required to change their Articles of Agreement to the new SDPx format. In addition, ships that are still using the booklet Article of Agreement which are still valid may continue using the existing Articles of Agreement booklet till expiry of its duration.

5. *The third Schedule of the MSO52 which came into force on 19th October 2009 highlights the new charges for transacting crew changes which is RM50.00 for each transaction irrespective of the number of crew being signed on/off.*

6. *Table 2 of the Third Schedule allows companies to deduct wages from the ship's crew for partial repayment of fees used in purchasing the PIN above.*

7. *Large crew changes or renewal of the Articles of Agreement may result in the partial recovery by companies from their crew exceeding RM 50.00. As such, the extra amount exceeding RM 50.00 is to be paid back to the Port Office which handled the crew change/renewal of Articles of Agreement and a receipt shall be issued.*

8. *Ships flying foreign flag intending to conduct crew change in front of a Malaysian Port Office are required to pay a fee of RM50.00 for a single transaction irrespective of the number of crew signed on/off. However, Table 2 of the Third Schedule of MSO52 is not applicable to foreign flag ships.*

Ketua Pengarah Laut / *Director General of Marine*
Tarikh: 17 February 2010